

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HSM 211 - Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Tarikh: 15 April 1988

Masa: 2.45 petang - 5.45 petang
(3 Jam)

Jawab EMPAT soalan.

1. Sejauh manakah dasar ekonomi merkantilisme Portugis berjaya menjadi pendorong utama kepada perkembangan empayar mereka di timur khususnya di Melaka?

2. "Perhubungan rapat di antara politik dan perniagaan telah mewujudkan satu 'sistem kapitalis berorientasikan politik'". - Shaharil Talib, After Its Own Image. ms. 35.

Sejauh manakah gambaran Shaharil mengenai Trengganu bersesuaian juga dengan keadaan di negeri-negeri Melayu yang lain sebelum kedatangan Inggeris?

3. "Kerajaan penjajah harus dipertanggung-jawabkan sebagai sebab yang penting, dan mungkin juga yang terutama, yang telah mewujudkan corak pekerjaan mengikut garis perkauman." - Lim Teck Ghee, "British Colonial Administration and the Ethnic Division of Labour," di dalam Kajian Malaysia, Dec. 1984, ms. 34.

Bahaskan pernyataan di atas.

4. G. Frank di dalam bukunya, On Capitalist Underdevelopment, telah mendakwa bahawa merkantilisme dan kapitalisme telah berjalan serentak. ms. 56.

Sejauh manakah anda bersetuju dengan dakwaan ini berhubung dengan penjajahan Inggeris di Malaysia?

5. Pentadbiran Inggeris dikatakan telah mengamalkan dasar ekonomi dualisme di Malaysia. Dengan mengambil sama ada Rancangan Sekatan Antara Bangsa Bijih Timah atau Getah pada tahun 1930-an, sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat di atas?

.../2

6. Sejauh manakah pelaksanaan Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu berjaya mencapai matlamatnya? Bincangkan perkara ini dari sejak mula perlaksanaannya sehingga sebelum Perang Dunia Kedua.

7. Kapitalisme dan penjajahan biasanya dipersalahkan kerana mewujudkan kemunduran di dalam negara yang dijajah. Dengan menggunakan Malaysia sebagai contoh, bahaskan pernyataan ini.

8. Walaupun Malaysia Timur berada di luar pentadbiran Inggeris di Malaysia Barat, namun kesan penjajahan mereka tidak jauh berbeza.

Bahaskan.

-ooo000ooo-